

19 JUL 2002

HIRANUMA-MAHATHIR/I

JEPUN PUJI DR MAHATHIR KERANA MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN MALAYSIA-JEPUN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

TOKYO, 19 Julai (Bernama) -- Jepun menyatakan rasa hormat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengumumkan hasratnya untuk berundur lewat tahun depan, kerana telah memainkan peranan yang penting dalam memperkukuhkan hubungan Malaysia-Jepun semasa beliau menerajui Kerajaan sejak lebih 21 tahun lalu.

Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Hiranuma Takeo, berkata bahawa yang paling menonjol ialah dasar 'Pandang Ke Timur' Dr Mahathir yang dilancarkan 20 tahun lalu bertujuan memupuk etika kerja yang cekap di kalangan rakyat Malaysia bagi mempercepatkan pembangunan ekonomi negara itu.

Katanya, dasar itu telah menjadikan hubungan kedua-dua negara itu lebih erat lagi.

"Dasar Pandang Ke Timur yang disarankan oleh Dr Mahathir sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri memang terkenal khususnya di kalangan masyarakat Jepun," katanya dalam ucapannya pada seminar bertaruk "Peluang Perniagaan di Malaysia" yang dihadiri oleh lebih 700 peserta, kebanyakannya dari Jepun.

Turut hadir pada seminar itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang mengetuai rombongan perdagangan dan pelaburan ke Jepun, meliputi bandaraya Osaka dan Tokyo.

Kata Hiranuma, sejak Dr Mahathir menyandang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981, Malaysia telah membangun dengan pesat di bawah kepimpinan cemerlang dan berpandangan jauh beliau.

Katanya, beliau begitu terperanjat apabila Perdana Menteri mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan.

Namun demikian, menteri itu memuji Perdana Menteri kerana melaksanakan peralihan kuasa yang licin kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan ini akan terus mengekalkan kestabilan politik di Malaysia.

Kata beliau, jelas sekali bahawa keadaan saling bergantung

antara
Malaysia dan Jepun telah meningkat selanjutnya dalam tempoh 20 tahun
yang
lalu seperti yang terserlah dalam hubungan perdagangan dan pelaburan
anantara kedua-dua negara.

Struktur perdagangan Malaysia telah berubah daripada eksport
yang
kebanyakannya terdiri daripada keluaran pertanian serta minyak dan
keluaran
berkaitan minyak kepada barangan berteknologi tinggi termasuk
kelengkapan
elektronik yang merupakan 60 peratus daripada keseluruhan
eksportnya.

Dalam tempoh 20 tahun yang lalu, Keluaran Dalam Negara Kasar per
kapita
sebenar telah meningkat hampir sekali ganda dan mencapai jumlah AS
\$3,852
pada tahun 2000.

Pembangunan ekonomi ini dicapai melalui dasar-dasar yang
diperkenalkan
oleh Perdana Menteri.

Dalam tempoh ini, kadar purata tarif telah diturunkan daripada
21
peratus dalam tahun 1988 kepada 9.1 peratus manakala FDI pula
berjumlah
AS\$65.4 bilion, "yang menunjukkan bahawa hubungan ekonomi kita telah
meningkat," katanya.

Takashi Onda, ketua setiausaha Pusat Penggalakan Perdagangan,
Pelaburan
dan Pelancongan Asean, yang turut hadir pada seminar itu, berkata
"Memang
ada sesetengah orang yang bimbang tentang kestabilan politik
Malaysia pada
masa akan datang.

"Bagaimanapun, Malaysia mempunyai barisan ahli politik yang
cekap dan
terkemuka seperti Rafidah.

"Oleh itu, saya tidak fikir akan timbul masalah untuk beralih
kepada
generasi berikutnya selepas persaraan Dr Mahathir," katanya.

"Kita seharusnya menganggap bahawa pengumuman oleh Perdana
Menteri itu
telah memberikan prospek yang lebih baik bagi peralihan politik yang
lancar
dalam masa setahun lagi," kata Onda. -- BERNAMA

MR MAD KTC KY OS